

28 NOV 1996

Mahathir-TTM

DR M YAKIN RAKYAT MALAYSIA BOLEH Menguasai TEKNOLOGI CANGGIH

KUALA LUMPUR, 28 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin rakyat negara ini boleh menguasai kemahiran dan kelebihan dalam teknologi untuk mengejar negara-negara perindustrian yang lain.

"Saya percaya tiada sesuatu yang seseorang itu tidak boleh belajar jika beliau sendiri berusaha," kata beliau semasa merasmikan Taman Teknologi Malaysia (TTM) yang seluas 280 hektar dan akan berfungsi sebagai pusat bagi pembangunan penyelidikan dan inovasi dalam teknologi tinggi bagi negara.

Taman seluas 280 hektar itu di Bukit Jalil hanya 20 minit perjalanan dari ibukota dan seluruh kawasan itu sedang pesat membangun dan turut berada pada kedudukan yang strategik dalam Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia.

Perdana Menteri berkata, Malaysia terpaksa "melompat" ke bidang teknologi elektronik dan ini memerlukan orang-orang yang lebih pintar dengan latihan yang lebih baik.

"Saya pasti rakyat Malaysia boleh menguasai kemahiran. Ia lebih kepada menggunakan sendiri dan jika anda terus cuba dan mencuba, anda akan menguasai teknologi dan pengetahuan yang diperlukan dan yang mesti diperolehi oleh kita," katanya.

Beliau berkata, Malaysia sedia membeli teknologi yang tidak dimilikinya dan diperlukan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju daripada segi teknologi.

Dengan menekankan perlunya rekacipta baru dan persekitaran yang kondusif, Dr Mahathir berkata kilang-kilang baru mestilah senyap, boleh diduduki dengan lanskap cantik selaras dengan standard moden.

Beliau juga gembira kerana hampir kesemua ruang di taman itu telah dibeli oleh industri-industri dan ia mungkin perlu diperluaskan lagi.

"Saya berpendapat ia menunjukkan minat terhadap taman itu dan juga kapasiti untuk menampung industri-industri baru yang memerlukan lebih banyak pengetahuan berbanding pada masa lepas.

Mengingatkan para hadirin di majlis perasmian itu yang Wawasan 2020 hanya tinggal 24 tahun lagi, Dr Mahathir berkata beliau pasti pemimpin-pemimpin selepas beliau akan mencapai matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun itu.

Beliau berkata, Malaysia mahu mencapai status negara maju supaya ia tidak dipandang rendah dan dihina.

Pada sidang berita selepas itu, Dr Mahathir berkata masih ada yang menganggap Malaysia tiada berkebolehan sehingga barangan yang menggunakan nama Malaysia tidak dibeli oleh mereka.

"Kereta Malaysia yang dipasarkan di negara asing diperkenalkan sebagai kereta Jepun lama seolah-olah kita tidak terlibat langsung. Kalau logo nampak bulan sedikit sudah dianggap barangan keluaran orang Islam, macam kita tiada berkebolehan."

Mengenai TTM, beliau berkata pusat itu telah mencapai banyak kemajuan dan meningkat daripada segi pembuatan prototaip yang membolehkan lebih banyak barangan baru dikeluarkan termasuk elektronik dan multi-media.

Beliau juga mengumumkan Lembaga Pengarah TTM yang dikorporatkan pada 1 Sept lepas. Ia diketuai oleh Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman sebagai pengerusinya.

Mereka ialah Setiausaha Bahagian Kewangan Perbendaharaan Malaysia Datuk Dr Hadenan Abdul Jalil, Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan

Alam Sekitar Datuk V.Dhanabalan, Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia, Pengerusi MRCB Bhd Datuk Khalid Ahmad, Pengerusi MalaysiaN Sheet Glass Bhd Paul Low dan Ketua Eksekutif TPM Dr Mohamad Salleh Ismail.

Selepas majlis perasmian itu, Perdana Menteri melawat pameran yang diadakan oleh syarikat-syarikat yang menyertai TTM dan juga melawat pusat prototaip di taman itu.

Fasa pertama taman itu yang bernilai RM237 juta telahpun siap dan ia menumpukan kepada teknologi maklumat, pembangunan perisian, mikroelektronik, telekomunikasi, dan teknologi bidang penerbangan.

Fasa kedua bernilai RM226 juta yang dijangka siap menjelang tahun 2000 akan menggalakkan penyelidikan dan pembangunan bagi bioteknologi, teknologi perubatan dan alam sekitar, pertanian, kesihatan, tenaga dan kawalan pencemaran.

Taman itu dilengkapi dengan kelengkapan teknologi terkini seperti optik gentian terkini, komunikasi Internet dan kemudahan prototaip bagi penghuni-penghuni TTM.

Antara syarikat-syarikat yang telah mendirikan kemudahan mereka di TTM ialah Mimos Bhd, Binariang Sdn Bhd dan Iris Technologies (M) Sdn Bhd.

Turut hadir di majlis itu ialah Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding dan Dr Omar Abdul yang juga penasihat sains kepada Perdana Menteri. -- BERNAMA

TCL PR